

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA  
JALAN CENDERASARI  
50590 KUALA LUMPUR

Bil. (85)d/m.KKM-82/2/6

// hb Jun, 1987

Pengarah Perkhidmatan Perubatan dan  
Kesihatan Negeri.

Pengarah Perkhidmatan Perubatan,  
Sabah/Sarawak.

Semua Pengarah Yayasan.

Pengarah,  
Hospital Besar Kuala Lumpur.

SURAT PEKELILING KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA BIL. 7/1987

Peraturan-peraturan Bagi Mengeluarkan Laporan-laporan Perubatan

1. Tujuan

Tujuan surat pekeliling ini ialah untuk menetapkan peraturan bagi mengeluarkan laporan-laporan perubatan dari hospital-hospital.

2. Latarbelakang

Pada masa ini tidak ada peraturan yang seragam mengenai pengeluaran laporan perubatan yang diminta oleh berbagai pihak. Ini telah menyebabkan salahfaham dan kadangkala menimbulkan rungutan di kalangan pihak-pihak yang tertentu.

Berikut adalah peraturan-peraturan yang mesti dipatohi bagi -

- (a) Laporan perubatan biasa;
- (b) Kes-kes polis yang berupa jenayah; dan
- (c) Kes-kes tindakan sivil terhadap Kementerian Kesihatan.

3. Laporan Perubatan Biasa

- 3.1. Laporan-laporan yang dimaksudkan adalah seperti yang dipohon untuk membuat tuntutan insuran dari syarikat-syarikat insuran atau gantirugi dari majikan. Dalam kes polis, kebanyakan laporan-laporan yang diminta adalah berkaitan dengan kemalangan jalanraya dan yang bukan merupakan kes jenayah.

- 3.2. Permintaan bagi laporan ini biasanya diterima daripada pesakit-pesakit, waris-waris pesakit, peguam-peguam, Socso, syarikat-syarikat insuran, firma-firma swasta dan dari pihak polis.
  - 3.3. Laporan-laporan tersebut boleh dikeluarkan oleh pengarah hospital, penguasa perubatan dan pegawai perubatan y/m hospital, jika pesakit memberi kebenaran secara bertulis (written consent). Jika pesakit meninggal dunia, kebenaran suami/isteri simati atau saudara terdekat hendaklah diperolehi. Kebenaran dari pesakit untuk mengeluarkan laporan perubatan kepada pihak polis bagi kes-kes yang dirujuk oleh mereka adalah tidak perlu.
4. Kes-kes Polis yang berupa jenayah
    - 4.1. Laporan-laporan perubatan bagi kes-kes jenayah yang dirujuk oleh pihak-pihak polis seperti pembunuhan, luka akibat tembakan, rogol dan lain-lain hanya boleh dikeluarkan kepada pegawai polis yang menjalankan penyiasatan ke atas kes itu sahaja. Ini adalah untuk membolehkan pegawai polis menjalankan siasatan mereka dan bagi mengelakkan sebarang kejadian memalsukan kenyataan-kenyataan yang diperlukan oleh pihak polis.
    - 4.2. Mana-mana pihak, termasuk pesakit, yang memohon untuk mendapatkan laporan-laporan tersebut hendaklah di nasihatkan untuk mendapatkannya daripada pihak polis. Walau bagaimana pun, pengarah hospital, penguasa perubatan dan pegawai perubatan y/m hospital boleh mengeluarkan laporan perubatan kepada lain-lain pihak jika pihak polis memberi kebenaran bertulis.
  5. Kes-kes tindakan sivil terhadap Kementerian Kesihatan
    - 5.1. Semua pengarah hospital, penguasa perubatan dan pegawai perubatan y/m hospital tidak sepatutnya mengeluarkan laporan perubatan bagi kes-kes dimana tindakan sivil telah, sedang atau mungkin akan diambil terhadap kerajaan, kerana ini akan memprejudiskan kes di mahkamah nanti.
    - 5.2. Bila permohonan bagi laporan perubatan diterima untuk kes-kes tersebut, laporan tidak boleh dikeluarkan tetapi satu jawapan sementara hendaklah diberi memaklumkan yang permohonan tersebut sedang diambil tindakan.

5.3. Laporan seperti ini hendaklah dirujuk ke Kementerian Kesihatan untuk membolehkan Kementerian mengetahui butir-butir kes sebenar dan memastikan yang laporan-laporan yang dibuat secara tepat dan padat. Laporan-laporan tersebut hanya boleh diberikan kepada pihak yang berkenaan selepas kelulusan daripada Kementerian Kesihatan.

4. Dato' /Tuan/Puan adalah diminta memaklumkan isi kandungan surat pekeliling ini kepada perhatian semua pegawai yang berkenaan.

5. Surat pekeliling ini berkuatkuasa dengan serta merta. Sebarang pertanyaan mengenai Surat Pekeliling ini hendaklah dialamatkan kepada:

Ketua Pengarah Kesihatan  
Kementerian Kesihatan Malaysia  
Jalan Cenderasari,  
50590 Kuala Lumpur.

(u.p: Pengarah Perkhidmatan Perubatan)

Sekian, terimakasih.

Saya yang menurut perintah,



~~TAN SRI DATUK~~ (DR) ABDUL KHALID BIN SAHAN  
Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

s.k: YB Menteri Kesihatan.  
YB Timbalan Menteri Kesihatan.  
YB Setiausaha Parlimen.  
Ketua Setiausaha.  
Semua Ketua Bahagian.  
Penasihat Undang-undang KKM  
Pegawai Kanan Perhubungan Awam

-/re

(7)

Bil.(85)dlm.KKM-82/2/6

11hb Jun 1987

Pengarah,  
Hospital Besar Kuala Lumpur.

SURAT PEKELILING KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA BIL. 7/1987

Peraturan-peraturan Bagi Mengeluarkan Laporan-laporan, Perubatan

1. Tujuan

Tujuan surat pekeliling ini ialah untuk menetapkan peraturan bagi mengeluarkan laporan-laporan perubatan dari hospital-hospital.

2. Latarbelakang

Pada masa ini tidak ada peraturan yang seragam mengenai pengeluaran laporan perubatan yang diminta oleh berbagai pihak. Ini telah menyebabkan salahfaham dan kadangkala menimbulkan rungutan di kalangan pihak-pihak yang tertentu.

Berikut adalah peraturan-peraturan yang mesti dipatohi bagi -

- (a) Laporan perubatan biasa;
- (b) Kes-kes polis yang berupa jenayah; dan
- (c) Kes-kes tindakan sivil terhadap Kementerian Kesihatan.

3. Laporan Perubatan Biasa

- 3.1. Laporan-laporan yang dimaksudkan adalah seperti yang dipohon untuk membuat tuntutan insuran dari syarikat-syarikat insuran atau gantirugi dari majikan. Dalam kes polis, kebanyakan laporan-laporan yang diminta adalah berkaitan dengan kemalangan jalanraya dan yang bukan merupakan kes jenayah.
- 3.2. Permintaan bagi laporan ini biasanya diterima daripada pesakit-pesakit, waris-waris pesakit, peguam-peguam, Socso, syarikat-syarikat insuran, firma-firma swasta dan dari pihak polis.
- 3.3. Laporan-laporan tersebut boleh dikeluarkan oleh pengarah hospital, penguasa perubatan dan pegawai perubatan y/m hospital, jika pesakit memberi kebenaran secara bertulis (written consent). Jika pesakit meninggal dunia, kebenaran suami/isteri simati atau saudara terdekat hendaklah diperolehi. Kebenaran dari pesakit untuk mengeluarkan laporan perubatan kepada pihak polis bagi kes-kes yang dirujuk oleh mereka adalah tidak perlu.

4. Kes-kes Polis yang berupa jenayah

- 4.1. Laporan-laporan perubatan bagi kes-kes jenayah yang dirujuk oleh pihak-pihak polis seperti pembunuhan, luka akibat tembakan, rogol dan lain-lain hanya boleh dikeluarkan kepada pegawai polis yang menjalankan penyiasatan ke atas kes itu sahaja. Ini adalah untuk membolehkan pegawai polis menjalankan siasatan mereka dan bagi mengelakkan sebarang kejadian memalsukan kenyataan-kenyataan yang diperlukan oleh pihak polis.
- 4.2. Mana-mana pihak, termasuk pesakit, yang memohon untuk mendapatkan laporan-laporan tersebut hendaklah di nasihatkan untuk mendapatkannya daripada pihak polis. Walau bagaimana pun, pengarah hospital, penguasa perubatan dan pegawai perubatan y/m hospital boleh mengeluarkan laporan perubatan kepada lain-lain pihak jika pihak polis memberi kebenaran bertulis.

5. Kes-kes tindakan sivil terhadap Kementerian Kesihatan

- 5.1. Semua pengarah hospital, penguasa perubatan dan pegawai perubatan y/m hospital tidak sepatutnya mengeluarkan laporan perubatan bagi kes-kes dimana tindakan sivil telah, sedang atau mungkin akan diambil terhadap kerajaan, kerana ini akan memprejudiskan kes di mahkamah nanti.
  - 5.2. Bila permohonan bagi laporan perubatan diterima untuk kes-kes tersebut, laporan tidak boleh dikeluarkan tetapi satu jawapan sementara hendaklah diberi memaklumkan yang permohonan tersebut sedang diambil tindakan.
  - 5.3. Laporan seperti ini hendaklah dirujuk ke Kementerian Kesihatan untuk membolehkan Kementerian mengetahui butir-butir kes sebenar dan memastikan yang laporan-laporan yang dibuat secara tepat dan padat. Laporan-laporan tersebut hanya boleh diberikan kepada pihak yang berkenaan selepas kelulusan daripada Kementerian Kesihatan.
4. Dato'/Tuan/Puan adalah dimintamemaklumkan isi kandungan surat pekeliling ini kepada perhatian semua pegawai yang berkenaan.
5. Surat pekeliling ini berkuatkuasa dengan serta merta. Sebarang pertanyaan mengenai Surat Pekeliling ini hendaklah dialamatkan kepada:

Ketua Pengarah Kesihatan  
Kementerian Kesihatan Malaysia  
Jalan Cenderasari,  
50590 Kuala Lumpur.

(U/P: Pengarah Perkhidmatan Perubatan)

Sekian, terimakasih.

Saya yang menurut perintah,  
t.t.

TAN SRI DATUK (DR) ABDUL KHALID BIN SAHAN  
Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

Ketua Pengarah Kesihatan,  
Kementerian Kesihatan Malaysia,  
Jalan Cenderasari,  
50590 Kuala Lumpur.

(u.p: Pengarah Perkhidmatan Perubatan)

SURAT PEKELILING KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA BIL.7/1987

Peraturan-peraturan Bagi Mengeluarkan Laporan-laporan Perubatan

Surat Pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia Bil.7/1987

telah saya terima.

Saya yang menurut perintah,

(84)


KKM-82/2/6

30 hb April, 1987

Semua Pengarah Bahagian,

Surat Pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan

Adalah diperhatikan bahawa terdapat beberapa Surat Pekeliling KPK yang bukan ditandatangani oleh saya sendiri yang tidak begitu jelas, mengelirukan atau yang tidak menerangkan satu-satu perkara itu dengan tepat. Oleh yang demikian semua Surat Pekeliling KPK yang hendak ditandatangani bagi pihak saya, hendaklah terlebih dahulu dihantar ke pejabat ini untuk disemak.



~~[TAN SRI DATUK (DR) ABDUL KHALID BIN SAHAM]~~  
Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

-/re